

06/05/2002

Ramai artis Malaysia tidak fasih bahasa Inggeris

SAYA tertarik dengan ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sewaktu merasmikan Hari Pekerja 2002 di Shah Alam, kelmarin. Selain pengaruh kapitalisme dan komputerisme, Dr Mahathir turut menyentuh mengenai peri pentingnya rakyat Malaysia mempertingkatkan tahap komunikasi iaitu menguasai bahasa Inggeris.

Saya faham apabila kita bercakap soal bahasa, ada pihak yang mula terasa pedasnya.

Maklumlah, pada saat kita berusaha menjunjung daulat bahasa Melayu, kenapa PM pula mengingatkan kita supaya menguasai bahasa Inggeris? Tentunya ingatan dan pesanan PM itu ada sebabnya dan pemimpin negara itu selalunya bercakap berdasarkan kajian ilmiah.

Sebenarnya, ingatan itu untuk menguasai bahasa kedua negara itu bukanlah PM tujuan kepada segelintir pihak saja tapi aplikasinya perlu menyeluruh terutama bagi pelajar dan mereka yang menjawat tugas profesional.

Kita harus ingat tidak kira apa jua bahasa yang kita pelajari sama ada Arab, Perancis, Tamil, Mandarin, Tagalog, Jepun atau Inggeris ia tidak pernah merugikan sama sekali. Kalau tidak, apalah ertinya kata-kata hikmat, tuntutlah ilmu sampai ke Negeri China.

Malah dalam negara bermasyarakat majmuk seperti Malaysia, kita sepatutnya merebut peluang untuk bertutur dalam bermacam bahasa Melayu, Inggeris, Tamil dan pelbagai dialek Cina seperti Hokkien, Mandarin dan Kantonis. Namun ramai menganggap itu perkara remeh.

Saya tidak berminat menceroboh semua wilayah tapi cukuplah mengaitkan kata-kata Perdana Menteri itu kepada dunia artis kita. Selama ini kita sedar ramai artis terutama penyanyi, masih merangkak apabila bercakap orang putih. Nyanyian Inggeris mereka mungkin sedap di telinga tapi apabila buka saja mulut untuk bercakap, apa yang terpacul itu hanyalah menjadi bahan ejekan!

Seperti juga sektor lain, dunia hiburan era penghujung 80-an hingga alaf baru ini melahirkan ramai artis yang tidak mampu menguasai bahasa Inggeris. Keadaan ini cukup berbeza dengan artis zaman dulu.

Allahyarham, Tan Sri P Ramlee, Tan Sri S M Salim, Seniwati Mariani, Datuk Jins Shamsuddin, Datuk Jamil Sulong, Aspalela Abdullah, Sharifah Aini, Anita Sarawak, Azean Irdawaty, Khaty Ibrahim, Nancie Foo, Datuk Rahim Razali, Allahyarham Sudirman Haji Arshad, Noor Kumalasari dan Dhalan Zainuddin adalah antara mereka yang mampu menguasai bahasa Inggeris dengan lancar.

Tanpa mengambil kira artis berdarah kacukan, hanya segelintir artis zaman sekarang yang saya lihat berani berbahasa Inggeris seperti Sheila Majid, Ning Baizura, Fazley, Anuar Zain dan Liza Hanim.

Tidak dinafikan, kemampuan berbahasa Inggeris juga ada kaitannya dengan latar belakang pendidikan serta pergaulan seharian seseorang itu. Sharifah Aini pernah memberitahu saya, dulu dia memang tidak fasih berbahasa Inggeris tapi untuk meletakkan dirinya ke tahap versatile, dia sanggup mengambil kelas bahasa itu di sebuah kolej pada awal 70-an.

Selain itu, pergaulan Kak Pah dengan pelbagai golongan profesional juga membuatkan lidahnya semakin lembut berbahasa Inggeris hingga melahirkan album seperti Forever & Ever dan Feeling of Love.

Dan kalau ada yang terfikir seseorang itu akan luntur jiwa kemelayuannya andai kata mampu bertutur bahasa Inggeris macam air, kemampuan Kak Pah dan Anita Sarawak boleh menepis tanggapan itu.

Makin fasih pula bahasa Inggeris mereka, makin lunak pula lagu Gunung Banang, Sri Siantan, Ayam Den Lapeh dan Lodeh Mak Lodeh yang Kak Pah serta Anita dendangkan.

Kalau difikirkan secara logik, pihak promoter persembahan tentunya lebih berminat mengambil artis yang boleh menguasai pelbagai bahasa untuk mengadakan persembahan. Jadi, siapa yang sebenarnya rugi?

Saya berpendapat, syarikat rakaman kita tidak bersikap serius dalam membantu kerjaya artis. Kalau sudah dapat untung lebih, kenapa tidak boleh agihkan sedikit kekayaan royalti itu untuk membiayai yuran artis mereka ke kelas grooming? Mahal sangatkah?

Di situlah segala-galanya boleh dipelajari - daripada cara bercakap, berjalan sampailah ke adab makan minum. Tapi apa yang hendak kita hairankan kerana kakitangan pengurusan dan PRO syarikat rakaman sendiri pun cakap orang putihnya dua kali lima saja. Ibarat ketam nak mengajar anaknya berjalan!

Saya juga sarankan, persatuan artis tempatan boleh mengambil tindakan yang sesuai untuk membantu kerjaya penggiat seni supaya mencapai tahap yang benar-benar profesional. Pada masa yang sama, artis juga janganlah malu untuk belajar kerana proses pembelajaran tidak pernah kenal usia dan waktu. Rasa malu dan ego hanya merugikan diri sendiri.

(END)